

**SYARAT PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
(KAKITANGAN AKADEMIK)**

**KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL (AKADEMIK)**

*(Berkuatkuasa 1 Januari 2015)*

1. Memenuhi tempoh percubaan (1 hingga 3 tahun perkhidmatan).
2. Lulus peperiksaan Am Kerajaan atau lulus Program Transformasi Minda (PTM)/Kursus Induksi yang ditetapkan.
3. Diperakukan oleh Ketua Jabatan.
4. Mempunyai kelulusan Bahasa Malaysia dengan Kepujian termasuk lulus Ujian Lisan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau yang setaraf dengannya.
5. Lulus Peperiksaan Jabatan (jika ada).
6. Markah Prestasi sekurang-kurangnya 80% dan ke atas sepanjang tempoh percubaan.

Syarat Tambahan:

7. Telah menghasilkan sekurang-kurangnya satu [1] makalah/artikel yang telah diterbitkan di dalam jurnal berwasit sebagai **penulis utama**; dan
8. Telah menghasilkan dan membentangkan sekurang-kurangnya satu [1] kertas kerja sebagai **pembentang utama** dalam seminar peringkat kebangsaan;
9. Telah mengikuti kursus Pengajaran dan Pembelajaran dengan jayanya (bagi pensyarah yang tidak mempunyai latihan khas dalam bidang pengajaran)
10. Tutor dan Felo Siswazah yang telah memiliki Ijazah Sarjana dan dilantik ke gred DS45 serta dikehendaki menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD):
  - 10.1 Pengesahan jawatan hanya diberikan setelah penyandang mendapat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dengan jayanya.
  - 10.2 Sekiranya penyandang tamat tempoh pengajian dan melapor diri namun belum tamat pengajian PhD, penyandang akan diberikan pelanjutan tempoh percubaan maksimum satu (1) tahun untuk menyelesaikan pengajian.
  - 10.3 Perkhidmatan penyandang boleh ditamatkan sekiranya gagal memenuhi perkara 10.1 dan 10.2 di atas.

\* Syarat ini berkuatkuasa kepada kakitangan lantikan TETAP sahaja.



**SYARAT PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
(KAKITANGAN PENTADBIRAN)**

**KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL (PENTADBIRAN)  
KUMPULAN PELAKSANA 1  
KUMPULAN PELAKSANA 2**

*(Berkuatkuasa 1 Januari 2015)*

1. Memenuhi tempoh percubaan (1 hingga 3 tahun perkhidmatan).
2. Lulus peperiksaan Am Kerajaan atau lulus Program Transformasi Minda/Kursus Induksi yang ditetapkan.
3. Diperakukan oleh Ketua Jabatan.
4. Mempunyai kelulusan Bahasa Malaysia dengan Kepujian termasuk lulus Ujian Lisan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau yang setaraf dengannya.
5. Lulus Peperiksaan Jabatan (jika ada).
6. Markah Prestasi sekurang-kurangnya 80% dan ke atas sepanjang tempoh percubaan.

*\* Syarat ini berkuatkuasa kepada kakitangan lantikan TETAP sahaja.*



**SYARAT PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
(KAKITANGAN AKADEMIK)**

**PENSYARAH PERUBATAN PELATIH DU51P**

*(Berkuatkuasa 2 Januari 2016)*

1. Memenuhi tempoh percubaan di Universiti (1 hingga 3 tahun perkhidmatan).
2. Diperakukan oleh Ketua Jabatan di Universiti
3. Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia dan telah disahkan jawatan dalam perkhidmatan berkenaan ; dan
4. Lulus Bahasa Melayu dengan kepujian termasuk Ujian Lisan di peringkat SPM atau yang setaraf;
5. Memiliki kelayakan kepakaran stau ijazah sarjana dalam bidang berkenaan yang disyaratkan;
6. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sebagai Pensyarah Perubatan Pelatih;
7. Hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda (PTM)/ kursus induksi atau kursus-kursus lain yg ditetapkan;
8. Markah prestasi sekurang-kurangnya 80% dan ke atas sepanjang tempoh percubaan

Syarat Tambahan :

9. Telah mengikuti Kursus pengajaran dan Pembelajaran dengan jayanya (bagi pensyarah yang tidak mempunyai latihan khas dalam bidang pengajaran)

**\*\* Permohonan hanya boleh di buat setelah tamat tempoh cuti belajar selama (4) tahun\*\***

*\* Syarat ini berkuatkuasa kepada kakitangan lantikan TETAP sahaja.*